

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/98

FEBRUARI 1998

RMT 556 - Pengurusan Projek V

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. (a) "Projek-projek yang tiada sempadan ("*borderless projects*") digunakan untuk meningkatkan lagi keupayaan organisasi-organisasi serta negara-negara."

Bincangkan ungkapan di atas dengan kaitan terhadap konsep pengurusan projek tak bersempadan ("*Borderless project management*") dan implikasinya pada masa akan datang.

(25 markah)

- (b) Bincangkan dengan ringkas konsep "mengurus tanpa pengurusan" serta nyatakan keutamaan-keutamaan bekerja dalam suasana yang "tiada pengurusan".

(25 markah)

2. (a) Anda dikehendaki oleh pihak Lembaga Pengarah untuk menyediakan format untuk suatu Pelan Jaminan Kualiti (*Quality Assurance Plan*) untuk sebuah unit Pengurusan Projek yang komprehensif. Jelaskan di dalam suatu bentuk laporan kriteria-kriteria utama yang akan dimasukkan di dalam pelan tersebut dan kaitkan bagaimana ianya boleh meningkatkan lagi prestasi unit tersebut.

- (b) Secara ringkas bincangkan bagaimana "*robotics*" dan "*automation*" boleh meningkatkan kualiti serta produktiviti di tapak bina.

(25 markah)

- 2 -

3. (a) Bagi suatu projek binaan yang besar, jelaskan tentang matlamat-matlamat serta kaedah-kaedah yang terdapat ditahap "*briefing*".
- (b) Jelaskan bagaimana seseorang Pengurus Projek dapat memberi sumbangan yang berkesan di tahap ini.
- (c) Nyatakan ciri-ciri utama sesuatu "*brief*" projek yang baik.

(25 markah)

4. (a) Bincangkan tentang sebab-sebab bertambahnya projek-projek berbentuk usaha-bersama (*joint ventures*) dan jelaskan bagaimana kadar kejayaan usaha-bersama boleh dipertingkatkan lagi.
- (b) "Trend semasa yang menuju ke arah globalisasi, menunjukkan bahawa projek-projek yang berselera antarabangsa akan mendapat penumpuan yang lebih di masa-masa yang akan datang"

Bincangkan dengan ringkas.

(25 markah)

5. (a) Jelaskan tentang matlamat "*tender*" dan sudut pihak klien dan kontraktor serta bincangkan tentang sebab-sebab kaedah berunding (*negotiation*) dikendalikan oleh sesetengah klien.
- (b) Jelaskan bagaimana input sesuatu klien boleh membantu pentender-pentender untuk memasukkan tawaran-tawaran yang wajar dan kaitkan bagaimana peranan Pengurus Projek boleh memperlicinkan proses penawaran tender.

(25 markah)

6. (a) "Klien mempunyai peranan penting dalam memastikan projek binaan berjaya"

Bincangkan.

- (b) Nyatakan aktiviti-aktiviti yang sekurang-kurangnya patut dilaksanakan oleh klien untuk memastikan projeknya berjalan dengan lancar.

(25 markah)